

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, 14 April, 2019 9:54 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UCI Beri Latihan 'Hands On' Kepada Pelajar Untuk Jadi Usahawan Kreatif



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

14 APRIL 2019 / 8 SYAABAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA CAS

UCI BERI LATIHAN 'HANDS ON' KEPADA PELAJAR UNTUK JADI USAHAWAN KREATIF



UUM ONLINE: Seramai 32 peserta menerima latihan secara 'hands on' bagi melahirkan usahawan kreatif dalam Bengkel Utara Creativepreneur Incubator (UCI) yang berlangsung selama empat hari di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Bengkel anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Sains (PPA CAS) dengan kerjasama Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) itu telah mendapat geran latihan usahawan bernilai RM100,000 dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melatih usahawan kreatif dalam kalangan mahasiswa di UUM.

Program usahawan berstruktur itu adalah edisi kedua selepas kejayaan menghasilkan enam syarikat berkaitan keusahawan kreatif pada edisi lalu, seterusnya meyakinkan KPM untuk meluluskan geran bagi edisi ketiga yang akan dijalankan pada 2020.

Sepanjang bengkel, peserta diberi latihan secara '*hands on*' yang melibatkan sembilan modul yang dirancang khusus untuk industri kreatif, antaranya modul Meneroka Potensi Keusahawanan Kreatif, Idea Perniagaan Kreatif, Pemasaran Media Sosial, Business Model Canvas dan Sumber Rezeki Online.

Bagi modul Business Model Canvas, peserta dikehendaki membangunkan idea perniagaan dan membuat pembentangan yang menampilkan solekan kesan khas, videografi, rekabentuk grafik, penulisan skrip, bunyi kesan khas (*foley*), *sketch book* dan reka bentuk laman sesawang.

Peserta, Alias Abu Hanifah berkata, dia bertuah kerana terpilih sebagai salah seorang peserta program dan dapat menimba banyak pengetahuan baru dalam bidang keusahawanan itu.

"Di sini, bukan sahaja dapat menimba ilmu, malah saya juga mendapat ramai kenalan yang mempunyai minat sama dalam keusahawanan kreatif dan kami saling bekerjasama antara satu sama lain," kata pelajar Pengurusan Industri Kreatif itu.

Lapan orang mentor terdiri daripada pensyarah dan staf UUM turut mengendalikan slot modul yang telah dibangunkan antaranya Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin; Dekan PPA UUMCAS, Dr. Bahtiar Mohamad; Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif (SCIMPA), Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin dan Timbalan Pengarah, CEDi, Dr. Jauriyah Shamsuddin.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)

ANJUNG
TamuUUM



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.